

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan yang berikut:

PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA5

Klasifikasi Perkhidmatan	:	Sistem Maklumat
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Gred Jawatan	:	FA5
Taraf Pelantikan	:	(i) Calon lantikan baharu adalah secara pelantikan kontrak (Interim) selama 3 tahun; dan (ii) Pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan adalah secara pelantikan tetap.
Jadual Gaji (Min - Mak)	:	RM1,650.00 – RM6,620.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM145.00
Kekosongan	:	1 jawatan

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan—
 - (a) berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (b)
 - (i) Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau Sijil dalam bidang Prosesan Data yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,650.00); atau
 - (ii) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,731.00); atau
 - (iii) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,812.00); atau
 - (iv) Diploma Sains Komputer, Diploma Teknologi Maklumat atau Diploma Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,974.00).).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA5, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan.

DISKRIPSI TUGAS

- Membantu dalam melaksanakan kerja-kerja penyediaan spesifikasi program, reka bentuk, pengekodan, pembangunan, pengujian program dan penyediaan dokumentasi program serta mengendali aspek keselamatan program.
- Bertanggungjawab di dalam membangun, mengendali, mengemaskini kandungan portal, berkeupayaan dalam menyelesaikan masalah (troubleshooting) yang berkaitan portal dan sistem aplikasi serta memantau portal serta sistem aplikasi organisasi supaya dapat berfungsi dengan baik dan lancar.
- Membantu dalam membangun, mengendali, menyelia dan memastikan operasi pentadbiran server seperti Windows, Linux, Unix OS/2 dan lain-lain berfungsi dengan baik di organisasi.
- Membantu dalam membangun, mengendali, menyelia dan memastikan web server, *Local Area Network* (LAN) dan *Wide Area Network* (WAN), sambungan internet dan intranet di organisasi berjalan dengan baik dan lancar.
- Terlibat secara langsung dalam mengurus dan melaksana kerja-kerja operasi teknikal dan khidmat sokongan teknikal termasuk penyediaan sistem audio video, pentas, *PA System* serta aspek keselamatan ICT.